



KERAJAAN perlu memberi perhatian serius terhadap masalah kekurangan dan kelemahan peralatan teknologi yang digunakan di pintu sempadan sehingga menjadikan kualiti perkhidmatan pasukan penguat kuasa. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

# Gilirkan penguat kuasa sempadan



Noor Mohamad  
Shakil Hameed

**P**ENDEDAHAN oleh Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ismail Bakar bahawa kerajaan mengalami kerugian antara RM3 bilion hingga RM5 bilion setahun akibat kebocoran hasil yang berlaku di pintu masuk negara cukup mengejut dan membimbangkan.

Kerugian ini dilaporkan dalam bentuk kehilangan cukai setahun berikutan pelbagai aktiviti penyeludupan seperti rokok dan minuman keras yang masih terus berleluasa walaupun pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan telah diambil.

Secara umumnya dirumuskan kebocoran hasil ini antara lain disebabkan kecuaian pegawai membabitkan aspek integriti di samping kekurangan dan kelemahan peralatan teknologi yang digunakan untuk memantau dan mengawal pintu sempadan. Ironinya isu integriti penjawat awam masih dilihat sebagai punca utama walaupun sudah acap kali diperdebatkan dan diambil pelbagai langkah pencegahan. Ternyata integriti masih belum menjadi perisai utama segelintir penjawat awam yang diberikan kuasa dan tanggungjawab untuk menjaga pintu sempadan negara.

**“**Segerakan proses penggiliran tugas. Tukarkan segera pegawai penguat kuasa sekerap yang mungkin.

## PENGKHIANAT

Dalam keadaan negara sedang menghadapi pelbagai masalah kewangan terutamanya kerana masalah pinjaman berlebihan dan hutang yang serius, penulis percaya tiada seorang pun dalam kalangan anggota masyarakat sanggup atau boleh membenarkan negara kehilangan hasil yang banyak seperti ini. Ini adalah satu bentuk perbuatan yang mengkhianati rakyat dan sabotaj ekonomi negara. Jadi kita tidak boleh membiarkan masalah integriti penguat kuasa kita di sempadan terus menghantui negara. Jika segala usaha menangani masalah tersebut selama ini masih tidak mendatangkan hasil, maka eloklah pihak kerajaan memikirkan langkah yang lebih drastik supaya kegiatan ini dapat ditangani dan dikawal sepenuhnya.

Hakikatnya penjawat awam yang terbabit ini bukanlah budak hingusan atau pelajar sekolah lagi. Mereka adalah golongan dewasa yang telah pun melalui pelbagai program, latihan dan kursus berkaitan integriti, tanggungjawab dan akauntabiliti dari hari pertama lapor diri hingga kini. Maka kita tidak boleh lagi menggunakan strategi

memberi kesedaran melalui program atau latihan semata-mata kepada golongan yang matang dan berpengalaman ini. Justeru strategi dan tindakan kita perlu berubah. Kursus dan latihan boleh diteruskan seperti biasa sebagai langkah peringatan secara berterusan tetapi apa yang lebih mustahak sekarang ialah tindakan penguatkuasaan hukuman terhadap mereka yang terbabit.

Kita sudah sedia maklum masalah ini berlaku di pintu sempadan, jadi langkah awal yang perlu diambil ialah segerakan proses penggiliran tugas. Tukarkan segera pegawai penguat kuasa sekerap yang mungkin, jangan biarkan seseorang itu terlalu lama di pintu sempadan sehingga membuka ruang kepada mereka terpalit dengan rasuah dan penyelewengan. Jika proses ini perlu dilakukan setiap tahun atau setiap dua tahun sekali maka lakukanlah dengan segera dan secara tersusun serta berjadual agar tidak menjadikan perkhidmatan di pintu masuk. Biar proses pertukaran ini memberi signal dan mesej yang jelas kepada setiap anggota penguat kuasa di pintu masuk negara.

## PASUKAN KHAS

Dalam pada itu mengambil kira laporan kebocoran hasil ini, kita menggesa kerajaan juga segera menubuhkan pasukan siasatan khas untuk menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib terhadap semua anggota penguat kuasa yang didapati cuai dan memakan rasuah. Perkara ini perlu kerana pertama, kita muahu mereka

bertanggungjawab atas kerugian kepada rakyat dan negara ini. Kedua, kita muahu pengkhianat negara dikenalpasti dan dijatuhi hukuman setimpal dan seterusnya kita juga muahu ia yang menjadi iktibar kepada anggota penguat kuasa yang lain agar tidak menyalah guna kedudukan dan mengambil rasuah.

Kita memohon kepada semua penjawat awam terutama yang diberikan amanah dan kuasa untuk menjaga sempadan serta mengutip hasil negara sentiasa menjunjung prinsip dan amalan integriti tinggi. Percayalah rakyat dan negara meletakkan harapan tinggi kepada anda, justeru jangan mengkhianati amanah, mencemarkan nama baik perkhidmatan awam dan merugikan negara. Jadikanlah integriti sebagai perisai kehidupan dan sedarlah wang haram yang diperoleh tidak akan membawa keberkatan dalam hidup kita sekeluarga.

Dalam pada itu, kita juga menuntut agar kerajaan memberi perhatian serius terhadap masalah kekurangan dan kelemahan peralatan teknologi yang digunakan di pintu sempadan sehingga menjadikan mutu dan kualiti perkhidmatan pasukan

penguat kuasa. Kita akui tidak mampu untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di sepanjang sempadan negara kerana memerlukan kos yang amat tinggi, tetapi itu juga bukan alasan untuk kita tidak mengambil inisiatif sewajarnya. Memang betul ia membabitkan kos tinggi tetapi kita perlu ada perancangan

jangka panjang yang komprehensif.

Misalnya kerajaan perlu menyediakan sejumlah peruntukan secara konsisten setiap tahun supaya CCTV dapat dipasang sedikit demi sedikit sehingga akhirnya di semua kawasan yang diperlukan. Ini memerlukan komitmen dan iltizam tinggi kerajaan melalui penyediaan peruntukan tahunan secara tetap kepada kementerian terbabit. Anggaplah ini sebagai pelaburan jangka panjang yang bukan sahaja boleh mendatangkan hasil dalam bentuk wang ringgit tetapi turut memantapkan aspek keselamatan di pintu masuk negara.

Pada masa sama dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan kecerdasan pembuatan (AI), kerajaan juga wajar meneroka teknologi terkini yang mungkin jauh lebih sofistikated dan murah untuk membantu pelaksanaan tugas-tugas pemantauan dan kawalan di sempadan negara. Kita perlu akui dan terima kenyataan betapa mesin dan robot secara perlahan-lahan sudah mula mengambil alih tugas manusia.

Secara prinsipnya kita tidak mampu untuk kehilangan hasil negara sebanyak ini setiap tahun. Masalah integriti dalam kalangan penguat kuasa serta kekurangan teknologi dan peralatan tidak boleh dibiarkan terus menjadi duri dalam daging hingga mendatangkan kerugian yang besar kepada rakyat dan negara.

**PENULIS** ialah Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM).